

BERITA HARIAN-16 Disember 2010

Hasil usaha cendekiawan diiktiraf

BEKAS ahli kumpulan Titiwangsa yang pernah menjuarai pertandingan Juara Kugiran 1970-an terbitan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), Shamsul Amri Baharuddin, adalah antara tiga individu yang dinobatkan sebagai penerima Anugerah Profesor Ulung.

Prof Datuk Dr Shamsul Amri ketika ini Pengarah Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bukan nama asing dalam dunia akademik. Penganugerahan ini membuktikan sekalipun bidang akademik bukan pilihan utama, tetapi beliau dapat menempa kejayaan dalam bidang itu.

Shamsul Amri berpengalaman selama 30 tahun dalam bidang pendidikan dan kajian. Beliau berkelulusan Ijazah Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya (1973), Sarjana Pembangunan Sosiologi, Universiti Malaya (1976) dan PhD Antropologi Sosial, Universiti Monash, Melbourne, Australia (1983).

Beliau memulakan kerjaya sebagai tutor di Universiti Malaya (UM) dan ketika itu beliau melanjutkan pengajian sarjana dalam bidang antropologi dan sosiologi. Tidak pernah terlintas pada fikiran mahu menjadikan kerjaya ahli akademik sebagai pilihan utama dalam hidup. Muzik adalah bidang yang menjadi pilihan utama beliau dan yakin memiliki kemahiran dalam bidang itu.

“Selepas memasuki universiti, pilihan utama saya menjadi ahli muzik, bukan ahli akademik. Ketika muda saya tidak mahu menjadi ahli akademik kerana gaji paling rendah ketika itu adalah ahli akademik. Rakan saya yang lain memilih bidang bukan akademik mendapat gaji tinggi dan hidup senang. Saya yang ‘pandai’ ini didenda jadi tutor.

“Pada ketika itu, saya aktif mengadakan pertunjukan bersama kumpulan Titiwangsa dan mendapat tempat pertama dalam pertandingan di RTM pada era 1970-an. Saya seronok kerana ia sesuai dengan jiwa saya. Lama kelamaan saya mula berfikir, Tuhan kurniakan otak pandai untuk apa? Akhirnya saya menyertai Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kerana mahu jadi wartawan penyiasat. Kerjaya ini tidak menjadi, akhirnya saya balik kepada universiti,” katanya pada pertemuan di pejabatnya semalam.

Sepanjang pembabitan dalam bidang akademik, beliau menghasilkan banyak penulisan buku dan kajian. Antara 10 terbitan terpenting beliau ialah *From British to Bumiputera Rule: Local Politics and Rural Development in Peninsular Malaysia* (cetakan 1986), *Japanese Anthropologists and Malaysian Society: Contributions to Malaysian Ethnography*, *Social Anthropology of the Malays-Collected Essays of M.G. Swift*, *The Challenges of Critical Academia Special Issue, Journal of Inter-Asia Cultural Studies*.

Membina Bangsa Malaysia, *Modul Hubungan Etnik*, *Social Science in Southeast Asia Observed? A Malaysian viewpoint*, *Inter-Asia Cultural Studies*, *Nations-of-Intent in Malaysia*, *In Asian Forms of the Nation, Malaysia*, *The Encyclopedia of Politics and Religion* dan *A History of an Identity, An Identity of a History: The Idea and Practice of ‘Malayness’*

in Malaysia Reconsidered dan Journal of Southeast Asian Studies.

Buku dan hasil tulisan beliau menjadi rujukan di Australia, Jepun, United Kingdom, Sweden dan Amerika Syarikat. Selain menulis, media elektronik tempatan dan antarabangsa seperti Al-Jazeera, BBC dan ABC Sydney sering menjemput beliau untuk mendapatkan pandangan mengenai situasi politik semasa dan perkembangan masyarakat pelbagai kaum di rantau ini.

Secara peribadi beliau ternyata bersyukur dan berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kerana mengiktiraf hasil usaha golongan cendekiawan kerana sebelum ini tidak pernah wujud jawatan kedua tertinggi selepas gelaran Profesor Diraja. Profesor Ulung adalah jambatan yang menghubungkan Profesor kelas A dan Profesor Diraja.

Shamsul Amri berkata, anugerah itu adalah untuk mereka yang berusaha keras untuk memartabatkan bidang masing-masing dalam akademik. Ia bukan sesuatu yang mustahil untuk dicapai dan beliau berharap pemberian anugerah ini akan berterusan kerana dapat memberi semangat kepada profesor lain untuk terus berusaha mencatat kecemerlangan.

Anugerah ini julung kali diperkenalkan dan mencatat sejarah negara. Ia adalah untuk menghargai jasa serta mengiktiraf sumbangan cendekiawan kepada masyarakat. Kerajaan menerusi Kementerian Pengajian Tinggi menganugerahkan satu kedudukan akademik yang belum pernah diwujudkan dalam mana-mana sistem pengajian tinggi negara. Semalam, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin mengumumkan nama penerima anugerah berkenaan.

Profesor Kanan Patologi Universiti Malaya, Prof Dr Looi Lai Meng adalah penerima kedua dan satu-satunya wanita yang mendapat anugerah itu. Beliau yang membuat kajian khusus mengenai kanser payudara dan penyakit lain seperti ginjal serta amyloidosis berasa terharu di atas penganugerahan yang sangat tinggi itu.

“Saya berasakan pengorbanan terbesar dalam melakar sejarah ini ialah meninggalkan keluarga kerana kebanyakan masa saya habiskan bagi melakukan penyelidikan, merawat pesakit dan mendidik pelajar perubatan. Semua orang mempunyai masa 24 jam sehari. Jadi saya perlu membahagikan masa untuk melaksanakan semua tanggungjawab diberikan,” katanya.

Selain aktif melakukan penyelidikan di dalam negara, beliau juga aktif pada peringkat antarabangsa. Beliau adalah pemeriksa di Royal Colleges of Pathologists, UK (RCPATH) dan Australasia (RCPA). Beliau juga adalah rakyat Malaysia pertama menjadi Penasihat kepada RCPA dan RCPATH.

Looi dianugerahkan Felo Kanan (Akademik) Akademi Sains Malaysia (2005) dan penerima Anugerah ASEAN Outstanding Scientist and Technologist (2001), Pingat Emas Rotary Research Foundation 2003 dan Anugerah Kecemerlangan Perdana Canselor Universiti Malaya kerana kecemerlangan dalam bidang kajian pada 2008. Beliau juga dianugerahkan

pingat Johan Setia Mahkota oleh Yang di-Pertuan Agong ketika itu, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di atas sumbangan beliau dalam bidang pendidikan dan sains perubatan.

“Saya berasakan anugerah ini bukan sesuatu yang luar biasa kerana sesiapa saja boleh mendapatnya dengan syarat mereka perlu bekerja keras dalam apa saja bidang yang mereka ceburi,” katanya.

Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dari 1999 hingga 2006, Tan Sri Profesor Dr Mohd Kamal Hassan adalah penerima ketiga Anugerah Profesor Ulung. Beliau adalah antara cendekiawan yang bertanggungjawab membantu pembentukan modal insan kerana pembabitan beliau selama 27 tahun di UIAM.

“Saya cukup terharu dengan anugerah ini. Saya tidak menyangka layak untuk diberi anugerah setinggi ini kerana saya rasa ramai lagi yang lebih layak. Apa pun saya bersyukur ke hadrat Allah SWT. Terima kasih kepada UIAM dan empat individu yang banyak membantu saya iaitu Nan Hilmi, Hafsah, Norhani dan Siti Zainab,” katanya.

Antara hasil usaha beliau ialah kajian mengenai isu pendidikan tinggi dari perspektif Islam, krisis pembangunan, Islamisasi pemikiran dan pengetahuan manusia masa kini. Beliau juga dilantik sebagai Penyelaras Unit Penyelidikan Mengenai Islamisasi Ilmu Pengetahuan Manusia di UIAM.

Beliau yang melakukan kajian mengenai pemikiran Islam di Asia Tenggara juga menyarankan agar pemikiran ‘Wasatiah’ atau pemikiran pertengahan dibangunkan dalam kalangan masyarakat untuk mengelak daripada pengaruh pemikiran ekstremis.

“Kita harus memupuk pemikiran ‘Wasatiah’ berdasarkan maksud sebenar dalam al-Quran dan ulama zaman silam. Ini adalah untuk membentuk keadilan dan kecemerlangan untuk semua masyarakat,” katanya.

Selain itu, beliau juga menyarankan agar pendekatan pemikiran Ulul Albab diberi penekanan. Ini kerana ia dapat menyeimbangkan penguasaan ilmu dunia dan akhirat kerana insan Ulul Albab memiliki pemikiran yang murni dan jauh daripada penyakit rohani.